

Piagam ICPCN

Piagam ICPCN untuk hak-hak kanak-kanak yang mengidap penyakit yang mengancam atau menghadkan jangka hayat.

1. Setiap kanak-kanak harus sepatutnya menerima penjagaan paliatif yang bersesuaian dengan umur, budaya dan keperluan diri mereka mengikut yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation WHO). Keperluan khusus remaja dan pemuda perlu diberi perhatian dan pelaksanaan dirangangkan.
2. Penjagaan paliatif untuk kanak-kanak dan keluarga mereka perlu bermula dari diagnosis dan diberi semasa rawatan terhadap penyakit dijalani sehingga akhir hayat dan waktu berkabung. Tujuan penjagaan paliatif adalah untuk mengurangkan kesengsaraan dan mengukuhkan kualiti hidup.
3. Ibubapa atau penjaga hendak diiktiraf sebagai penjaga utama dan juga ahli bertanggungjawab bersama dalam segala urusan penjagaan dan keputusan yang melibatkan anak mereka.
4. Setiap kanak-kanak, mengikut umur dan kefahaman mereka, digalakkan mengambil bahagian dalam membuat keputusan tentang penjagaan diri mereka sendiri.
5. Komunikasi dengan kanak-kanak dan keluarga perlu berasas sifat-sifat sensitif dan ikhlas. Tidak kira tahap fizikal atau mental, penjagaan maruah dan privasi mereka perlu dipentingkan.
6. Setiap kanak-kanak atau pemuda hendaklah diberi peluang untuk pendidikan dan sebanyak yang mungkin kesempatan untuk bermain serta bermesra dengan adik beradik serta kawan-kawan dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kanak-kanak.
7. Kanak-kanak dan keluarga perlu diberi peluang untuk berunding dan menerima rawatan dari pakar yang berpengalaman dalam bidang penyakit kanak-kanak tersebut.
8. Kanak-kanak dan keluarga patut dihubungkan dengan seorang ahli tertentu yang tugasnya adalah untuk memastikan penjagaan dan sokongan yang disediakan adalah bersesuaian dan merangkumi pelbagai disiplin berkenaan termasuk yang dari komuniti.
9. Kanak-kanak patut dijaga di rumah mereka sejauh mungkin. Segala rawatan di luar kawasan rumah perlu diberi oleh mereka yang terlatih dan di persekitaran yang peka kepada keperluan kanak-kanak.

10. Setiap kanak-kanak, keluarga dan adik-beradik perlu diberi sokongan dari segi klinikal, psikologi, emosi dan kerohanian yang berpatutan dengan keperluan dan budaya mereka. Sokongan untuk sekeluarga pada masa berkabung juga perlu disediakan jika perlu.